

BAB
PERTAMA

PENDAHULUAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dunia Melayu sememangnya kaya dengan naskhah-naskhah lama yang banyak menyimpan dan mengandungi berbagai maklumat-maklumat tentang masyarakat Melayu terdahulu. Hal ini dapat dibuktikan melalui jumlah koleksinya yang kini terdapat di pelbagai pusat kajian kebudayaan timur antara lain tercatat pada katalog Vreede, 1882; Van Ronkel, 1909, Labaton, 1912, Howard, 1966; Pigeaud, 1967; Amir Sutaarga dkk, 1972; Ricklefs dan Voorhoeve 1977 (Sulastin Sutrisno, (ed), 1983 : 33). Naskhah atau manuskrip Melayu juga banyak menyimpan hasil ketamadunan masyarakat Melayu dari zaman silam. Ia merupakan warisan yang amat berharga peninggalan nenek moyang bangsa Melayu. Ia menjadi akar kepada kebudayaan, tanpa akar ini orang tidak mungkin akan mengenali asal kebudayaan bangsanya.

Manuskrip merupakan suatu warisan pemikiran dan kebudayaan negara yang tidak ternilai harganya. Yang dimaksudkan dengan manuskrip ialah karya-karya yang ditulis tangan terutama sekali dalam tulisan Jawi yang dihasilkan seawal-awalnya dalam lingkungan abad ke-

16 atau akhir abad ke-15 dan selewat-lewatnya diakhir abad ke-19 (Abdul Ghaffar Muhammad, 1988/89 : 1).

Salah satu manifestasi daripada revolusi pemikiran dan budaya ini ialah hasil-hasil kesusasteraan yang dilahirkan oleh masyarakat Melayu setelah menganut agama Islam. (Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man, 1996 : xi-xii). Dapat dikatakan bahawa setelah Islam sehingga kedatangan penjajah Inggeris dan Belanda pada akhir kurun ke-19 merupakan kegemilangan kesusasteraan bercorak Islam.

Setelah tibanya Islam ke daerah Nusantara, bermulalah tradisi penulisan tulisan Jawi, terutamanya dalam bidang keagamaan. Kitab-kitab dalam bahasa Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan disalin semula untuk disebarluaskan kepada pengguna-penggunanya. Dengan ini dapat dikatakan, manuskrip Melayu dalam kelahiran dan perkembangan berkaitan rapat dengan perkembangan Islam di rantau ini kerana melalui Islam masyarakat Melayu telah dapat menggunakan tulisan Jawi untuk merakamkan buah fikiran dan cetusan intelektualnya.

Sehubungan itu juga, Kitab mengenai perkahwinan dalam kesusasteraan Melayu merupakan salah satu sastera warisan Islam dan mendapat sambutan yang meluas di kalangan orang Melayu pada

suatu ketika dahulu. Sehingga kini hukum agama berkaitan dengan perkahwinan mendapat tempat dan begitu terkenal di kalangan masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat dengan adanya usaha-usaha penerbitan-penerbitan tempatan dan juga dengan adanya usaha mengkaji manuskrip-manuskip lama oleh pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi manu pun orang ramai.

Sumber kesusasteraan Melayu bercorak Islam adalah pelbagai sumber. Walau bagaimanapun, kitab agama yang mengandungi hukum-hukum perkahwinan dipetik daripada Al-Quran dan Al-Hadith.

Dari segi akidah, seseorang yang ingin berkahwin atau yang sudah berkahwin wajib mengetahui hukum-hukum yang berkaitan dengan perkahwinan, malah wajib pula seseorang muslim itu melaksanakan hukum-hukum tersebut.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang akan penulis cungkilkan di dalam *Kitab Muhimmah* ini, antaranya ialah mengenai hukum-hukum

perkahwinan terutamanya hukum-hukum bagi perempuan yang telah bersuami. Di dalam kitab ini diceritakan hukum-hukum berkaitan dengan perkahwinan terutamanya balasan yang akan diterima oleh perempuan yang menderhaka kepada suami di hari pembalasan nanti.

Sesebuah naskhah lama adalah unik. Ia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dari segi rupa, jenis kertas, bahasa, tulisan dan sebagainya. Jadi, sesuatu naskhah itu mempunyai identitinya yang tersendiri iaitu mempunyai tanda pengenalan. Tanda pengenalan ini berupa nombor urutan seperti MS3 dan sebagainya.

Walaupun telah ramai pengkaji yang menghuraikan mengenai hukum-hukum perkahwinan wanita namun masih kurang yang mengkaji menggunakan manuskrip lama untuk mengkaji hukum-hukum ini. Di samping mengkaji unsur-unsur sastera yang terdapat di dalam teks ini, penulis akan menghuraikan unsur-unsur moral berdasarkan hukum-hukum perkahwinan terutama bagi perempuan yang telah bersuami.

Kajian ini tertumpu pada kitab agama dalam bidang fikah yang membincangkan perkahwinan. Justeru, kajian ini perlu dibuat untuk melihat sejahterakah kefahaman perempuan terhadap hukum-hukum perkahwinan khususnya bagi perempuan yang telah bersuami. Jadi

dengan menggunakan pendekatan filologi ini penulis akan membuat kajian terhadap bahan kajian yang membincangkan hukum-hukum perkahwinan khususnya mengenai perempuan yang telah bersuami

1.3 TUJUAN KAJIAN

Seseorang ahli filologi bertujuan mengenali teks "sehabis sempurna mungkin". Hal ini meliputi proses mentransliterasi, mengedit dan menganalisis bentuk dan kandungannya dengan penuh rasa kesedaran sebagai seorang ilmuan.

Usaha menjadikan teks sehabis sempurna mungkin pada asasnya mempunyai dua tujuan utama, iaitu untuk memasyarakatkan teks dan menginterpretasikan teks tersebut. Secara mudah tujuan tersebut dapat dipermudahkan seperti di bawah :

1. Mengungkapkan teks sastera Islam sebagai khazanah lama yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan bangsa.

2. Mengemukakan teks sastera Islam sebagai satu warisan peninggalan nenek moyang untuk tatapan generasi sekarang dan akan datang.

3. Menganalisis peranan, fungsi dan kepentingan teks sastera Islam kepada masyarakat zamannya dan masyarakat sekarang terutama sastera kitab.

1.4 RUANG LINGKUP KAJIAN

Membicarakan tentang kajian naskhah *Kitab Muhibbinah* ini hanyalah terbatas kepada kajian filologi dan moral. Walau bagaimanapun, pengkaji telah membahagikan *Kitab Muhibbinah* kepada empat bab utama. Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang menerangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, pendekatan kajian, tujuan kajian, ruang lingkup kajian, bahan kajian, kepentingan kajian, kajian terdahulu dan konsep-konsep asas.

Seterusnya, dalam bab dua merupakan keterangan naskhah *Kitab Muhibbinah* secara lebih terperinci lagi dengan melakukan telaah filologi atau disebut transliterasi naskhah *Kitab Muhibbinah* yang

bertulisan Jawi kepada Rumi dan seterusnya meletakkan tanda bacaan pada teks tersebut. Ini kerana dalam teks tersebut langsung tidak mempunyai sebarang tanda bacaan seperti tanda koma, tanda noktah, tanda pembuka kata, penutup kata, dan sebagainya. Dalam bab ini pengkaji juga membuat sinopsis *Kitab Muhimmah* dan menyentuh secara sepintas lalu tentang teknik gaya bahasa yang digunakan di dalam teks *Kitab Muhimmah*.

Manakala dalam bab tiga pula akan melihat unsur pengajaran atau unsur-unsur moral yang terkandung di dalam *Kitab Muhimmah*. Unsur-unsur moral dalam *Kitab Muhimmah* dibahagikan kepada beberapa bahagian. Antaranya, unsur moral berkaitan dengan isteri *nusyuz*, unsur moral berkaitan dengan pemilihan calon isteri, unsur moral berkaitan dengan pemilihan calon suami, unsur moral berkaitan dengan poligami, unsur moral yang berkaitan dengan hukum memutuskan hubungan persaudaraan dan unsur moral berkaitan dengan faedah berkahwin.

Seterusnya, dalam bab terakhir iaitu bab empat, pengkaji telah membuat kesimpulan daripada keseluruhan bab yang dikaji.

1.5 PENDEKATAN KAJIAN

Pada dasarnya dalam pendekatan kajian, seseorang pengkaji perlu bertitik tolak dari objektif sebenar penelitiannya, mengedit dan menghayati nilai-nilai kesusasteraan yang terkandung di dalam teks sastera Islam, maka penerapan gabungan pendekatan adalah berguna.

Pendekatan filologi dapat digunakan dalam proses pengeditan dan teori sastera dapat digunakan bagi menganalisis kandungan teks. Selaras dengan apa yang diperlukan dalam penelitian terhadap teks kesusasteraan Melayu klasik, seringkali pendekatan filologi tidak dapat dihindarkan dan ianya perlu bergerak seiring dengan pendekatan-pendekatan kesusasteraan yang lain. Pada umumnya, pendekatan kajian adalah bergantung kepada tujuan kajian pada setiap bab.

Sehubungan itu, penelitian terhadap naskah ini akan menggarap *Kitab Muhibbah* dengan menggunakan pendekatan filologi dan pendekatan moral. Berdasarkan manuskrip yang dikaji, tajuk penyelidikan yang akan dilakukan ialah “*Muhibbah : Transliterasi dan Analisis Teks*”. Dalam hal ini kajian yang dilakukan adalah berdasarkan hukum-hukum yang terdapat di dalam *Kitab Muhibbah*. Kemudian berdasarkan hukum-hukum yang terkandung di dalam *Kitab Muhibbah*

pengkaji melihat unsur didaktik atau moral yang terkandung di dalam naskhah *Kitab Muhimmah*. Dalam kajian ini, seperti yang diketahui umum, apabila membuat transliterasi terhadap sesuatu naskhah lama secara tidak langsung, kita juga harus melihat unsur moral yang terkandung di dalam sesebuah karya sastera terutamanya sastera yang berbentuk keagamaan. Setiap karya yang dihasilkan bukan sahaja bertujuan untuk memberi hiburan semata-mata, tetapi khalayak harus mengambil iktibar daripada karya tersebut sebagai pengajaran.

1.5.1 Pendekatan Filologi

Dalam perkembangan ke arah filologi moden, naskhah ditinjau sebagai teks hasil kekreatifan penyalin atau pengarang yang perlu ditafsirkan serta dihubungi dengan ilmu bahasa, sastera, budaya, agama dan politik zamannya.

Menurut Siti Hawa Salleh, tujuan filologi digunakan sebagai metode kajian kepada naskhah lama ini ialah untuk meletakkan kembali atau memulangkan semula sesebuah naskhah itu kepada tempatnya yang wajar, iaitu kepada tempatnya yang sebenar dengan seberapa tepat yang mungkin (Siti Hawa Haji Salleh, 1992 : 1).

Tugas seorang ahli filologi adalah *making text accessible* (Sulastin Sutrisno, 1983 : 11 dan S.O Robson 1988 : 10). Untuk mencapai tujuan itu, seseorang ahli filologi harus melakukan dua aktiviti yang saling melengkapi iaitu menyajikan dan menginterpretasi (Nafron Hasjim, 1990 : 10). Menurut S.O Robson pula :

In order to make a classical literary work 'accessible', basically one has to know two things: to present and to interpret it. One activity is not complete without the other, as a text no matter how clearly presented may still not be comprehensible to a reader without extensive explanations, and no amount of comment and discussion will enlighten us without having the text on which these are based.

(S.O Robson, 1988 : 10)

Berdasarkan petikan di atas, ternyata telaah filologi masih belum sempurna dan persembahan serta interpretasi haruslah dilakukan secara serentak bagi memudahkan pembaca memahami teks tersebut dengan lebih mendalam lagi.

Dengan melakukan telaah filologi yang cermat seperti itu, para filologi Eropa – peneliti yang menjadi pemula kegiatan filologi pada zaman *humanisme* dan *renaisans* menggarap sastera klasik Yunani dan Romawi (Sulastin Sutrisno, 1983; S.O Robson; 1988 : 10) berhasil menemukan nilai-nilai yang terkandung dalam kebudayaan lama (Reynolds dan Wilson, 1978 : 187). Dalam perkembangannya, kegiatan

filologi di Negara kita bukanlah suatu perkara yang baru. Walau bagaimanapun, tidak ramai pengkaji yang cuba untuk mencungkil atau menggali naskhah-naskhah klasik ini kerana kedudukannya yang berselerak di seluruh Negara dan usaha untuk mencarinya adalah agak sukar (Nafron Hasjim, 1990 : 10-11).

Memperkatakan tentang filologi, di Indonesia kegiatan filologinya adalah lebih popular dan kebanyakannya adalah mengarah kepada filologi moden. Filologi moden adalah filologi yang memandang perbezaan yang ada dalam berbagai naskhah sebagai suatu ciptaan dan menitikberatkan kejayaan pada perbezaan-perbezaan tersebut serta memandangnya sebagai alternatif yang positif. Sebuah salinan dipandang sebagai satu penciptaan yang baru yang mencerminkan perhatian yang aktif dari pembacanya (Siti Baroroh Baried, 1985 : 3). Dalam filologi moden, variasi naskhah dipandang sebagai kreasi penyalin menyesuaikan teksnya dengan perubahan sosio budaya lingkungan masyarakat tempat salinan itu berfungsi sesuai dengan harapan pembaca yang menjadi sasaran teks baru itu (Teeuw, 1984 : 270). Hakikat dari pandangan filologi moden ini digunakan dalam melakukan tinjauan dari segi filologi terhadap naskah *Kitab Muhiimmah* ini.

Menurut Teeuw, 1984 (dlm. Nafron Hasjim, 1993 : 12), variasi naskhah dipandang sebagai kreasi penyalin yang menyesuaikan teksnya dengan perubahan soaio budaya lingkungan masyarakat pembaca yang menjadi sasaran teks baru itu. Oleh itu, penelitian filologi yang dilakukan terhadap teks *Kitab Muhibbah* ini adalah bertujuan untuk mendapatkan teks yang lengkap dan jelas di samping mengetahui isi kandungan teks tersebut.

Ding Choo Ming (2000 : 37), menyatakan bahawa tradisi menyelenggara, memperbaiki dan mengeluarkan edisi baru manuskrip Melayu sebenarnya sudah wujud sepanjang tradisi kepengarangan manuskrip Melayu itu sendiri. Ini kerana wujudnya perbezaan dan persamaan antara kedua-dua tradisi kesarjanaan barat dengan tradisi kepangarangan dan kepenyalinan Melayu masa silam. Menurutnya lagi, dahulu penyelenggaraan edisi baru adalah sebahagian daripada tradisi kepengarangan Melayu, mungkin di istana Melayu, tetapi, kini penyelenggaraan edisi baru merupakan sebahagian daripada filologi yang juga pernah disebut sebagai akar pengajian sastera Melayu tradisional.

Secara umum, edisi baru yang diselenggaraan itu boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama edisi diplomasi (*diplomatic*

edition), iaitu edisi yang dihasilkan itu telah dibuat dengan teliti, kekal sebagaimana teks asal tanpa apa-apa pindaan. Oleh sebab perubahan dan kelainan yang dijumpai daripada teks lain itu dimasukkan juga biasanya dalam catatan kaki atau dalam lampiran, edisi diplomatik dipanggil juga sebagai edisi fotografis. Kedua, edisi kritis (*critical edition*), iaitu edisi hasil daripada pembetulan setiap kesilapan, kelainan, perbezaan, malahan pembahagian bab tek asal (Ding Choo Ming, 2000 : 37).

Walau bagaimanapun, dalam menggarap naskhah *Kitab Muhimmah* ini, pengkaji telah menggunakan kaedah edisi diplomatik, iaitu tidak mengubah apa-apa daripada naskhah asal, sebaliknya pembetulan atau penerangan tentang sesuatu perkataan di dalam naskhah diletakkan di bahagian bawah iaitu sebagai nota kaki. Ini bertujuan sebagai langkah untuk mengekalkan keaslian naskhah tersebut.

1.5.2 Pendekatan Moral

Penghasilan sesebuah karya sastera bukanlah untuk hiburan semata-mata. Karya yang baik ialah karya yang mengandungi banyak

unsur pengajaran moral yang mendasarinya. Malahan, sesebuah karya sastera juga boleh dianggap sebagai pembimbing yang baik dalam membentuk akhlak masyarakatnya berdasarkan kandungan cerita yang mendasarinya.

Nilai, merupakan *standard* dan prinsip iaitu dalam mempertimbangkan harga (worth) sesuatu benda. Dalam bahasa Inggeris ia disebut '*value*' (R.E. Allan (ed.), 1988 : 835). Nilai adalah criteria bagi kita mempertimbangkan sesuatu benda (manusia, objek, idea, tingkah laku dan situasi) sebagai baik, berfaedah, diingini atau sebaliknya buruk, tidak berfaedah, dibenci atau di antara pula iaitu sederhana (Koo Kee Peng dan Tong Chee Yee, 1990 : 71).

Moral pula diertikan sebagai tingkah laku yang telah ditentukan oleh etika sama ada baik atau jahat. Di dalam *The Encyclopedia Americana*, moral diuraikan sebagai "Normative ethics also called moral philosophy is concerned with presenting and justifying guide to right conduct" (Richard. Garner, 1986 : 15).

Moral merupakan satu konsep yang kompleks sifatnya. Ianya telah menimbulkan kesukaran mendefinisikannya. Ekoran daripada itu timbulah berbagai pendapat, pandangan dan pengertian mengenainya.

Sarjana-sarjana sosiologi dan psikologi masing-masing berusaha untuk menerangkan konsep moral dan akhirnya lahirlah pelbagai teori moral yang menambahkan lagi komplikasi terhadap maksud dan pengertian moral tersebut.

Perkataan moral itu sendiri berasal dari Latin iaitu '*moralis*' yang membawa pengertian tingkahlaku yang seajar dengan tatasusila atau peraturan masyarakat . Moral menjadi penanda yang membawa dua nilai iaitu positif dan negatif. Bagi mereka yang berkelakuan baik,mereka akan diangkat martabatnya sebagai orang yang bermoral, beradab dan berhemah tinggi. Sebaliknya pula, jika seseorang itu tidak bersopan dan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan adat dan budaya hidup,maka mereka akan dianggap sebagai tidak bermoral.

Menurut Koo Peng dan Tang Chee Yee (1990:50), moral merangkumi segala nilai-nilai seperti merendah diri, benar, belas kasihan, hati suci, cintakan perdamaian, tabah menentang segala salah, tabah melaksanakan pekerjaan yang baik, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran,kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran dan semangat bermasyarakat.

Kamus Dewan mendefinisikan moral sebagai ajaran atau pegangan berkenaan baik buruk sesuatu sama ada kelakuan, akhlak, kewajipan dan lain-lain. Definisi yang diberikan oleh *Kamus Dewan* agak umum dan menyeluruh. Manakala *Kamus Dwibahasa* mentakrifkan moral sebagai prinsip-prinsip apa yang betul dan apa yang salah, pengajaran dan penerangan . Apayang dijelaskan oleh *Kamus Dwibahasa* ini agak teperinci dan menjurus kepada individu itu sendiri.

Musak Mantrak, seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa berpendapat, akhlak dan moral adalah satu istilah yang berbeza makna. Menurut beliau, moral adalah sesuatu yang lahir dari individu tanpa sebarang pedoman. Ini berbeza dengan akhlak iaitu yang lahir hasil dari akidah yang mantap dan kefahaman agama yang jitu, atau dalam lain perkataan hasil daripada wahyu Ilahi (Koo Kee Peng ed., 1988 : 56).

Abdul Halim El-Muhammady, mendefinisikan istilah moral dan akhlak dengan satu definisi. Menurut beliau nilai-nilai moral dalam Islam adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah mengikut peredaran masa, tempat dan manusia (Abdul Halim El-Muhammady, 1991 : 33).

Menurut Hassan Langgulung, dalam bukunya *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam* turut melihat pendidikan moral dari kaca mata Islam. Beliau berpendapat system moral (akhlak) dalam Islam berkait rapat dengan sistem kepercayaan, ibadat dan lain-lain. Menurut beliau lagi, ini membezakan pendidikan moral dalam Islam dengan pendidikan moral yang dipinjam dari Barat yang memisahkan moral dari kekuasaan Tuhan (Hassan Langgulung, 1981 : 19).

Moral Islam mestilah didasarkan kepada akidah yang betul, Tiang kepada akidah ini ialah pengucapan dua kalimah syahadah (Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad pesuruh Allah). Manusia sebagai makhluk Allah semestinya mengenal diri dan mengagungkan penciptanya. Segala kegiatan hidupnya adalah bagi memperolehi keredhaan Allah semata-mata (Aziz Deraman, 1987 : 106). Akidah tauhid ini kemudiannya diikuti dengan keimanan kepada para malaikat, kitab-kitab Allah, para Rasul Allah, hari akhirat serta qada' dan qadar.

Sarjana-sarjana politik seperti Max Weber dan Emili Durkheim menyatakan bahawa pada asasnya kemoralan adalah perkara mengenai autoriti, peraturan dan sebagainya, manakala Dorothy Emmet (1996) menyatakan bahawa nilai moral bukan sesuatu yang

wujud tersendiri dan terpencil dalam satu kekosongan. Beliau menyatakan bahawa manusia bergantung atas beberapa peraturan, adat, kebiasaan masyarakat dan agama yang menolong mereka dengan lebih mudah membuat jangkaan tentang cara tingkah laku orang lain.

James Hemming (1980) pula menyatakan bahawa peraturan-peraturan masyarakat mestilah dilihat sebagai fakta-fakta kehidupan social, sebagai prinsip-prinsip yang perlu dalam pergaulan dan kelakuan terhadap orang lain dan perhubungan antara manusia.

Dilihat dari kaca mata Islam pula tokoh-tokoh Islam menegaskan bahawa moral adalah pembawaan sewaktu lahir diri manusia dan selama berabad-abad iatelah menjadi ukuran tingkah laku moral dan manusia biasa membenarkan sifat-sifat tertentu. Moral mengikut Islam juga dapat didasarkan kepada pengajaran Al-Quran dan Al-Hadith. Ajaran Islam bukan sahaja menuntut perhubungan manusia dengan Allah tetapi juga menuntut perhubungan manusia dengan makhluk lainnya. Dengan itu moral di dalam Islam mempunyai ruang yang cukup luas, merangkumi aspek kehidupan manusia,batiniah dan lahiriah.

Moral mengikut etika Islam adalah berasaskan kepada prinsip 'al-Insan al-Kamil', iaitu bertingkah laku mengikut kepercayaan ajaran Islam. Perlakuan seseorang Islam hendaklah berdasarkan kepada konsep 'mungkar dan maaruf', jauhi yang mungkar dan amalkan yang maaruf. Kedua-duanya ditonjolkan melalui prinsip imam dan prinsip amalan. Prinsip iman dan prinsip amalan tersebut merangkumi semua aktiviti manusia yang diarah dan ditetapkan oleh Allah. Ia tidak terbatas kepada kehidupan peribadi manusia sahaja tetapi Islam adalah satu agama dalam erti kata perkaitan antara manusia dan Allah. Ringkasnya mengikut pandangan Islam, aspek moral itu terbahagi kepada dua. Pertama konsep hubungan manusia dengan Tuhan, kedua konsep hubungan manusia sesama manusia. Perhubungan dengan Tuhan adalah untuk memperhambakan diri kepadaNya dengan iman dan taqwa. Manakala hubungan sesama manusia untuk menjalinkan silaturrahim antara satu sama lain bagi membentuk kehidupan yang sejahtera.

Kemoralan individu Islam dikawal oleh landasan aqidah dan iman, syariah, ihsan dan taqwa. Dalam hal ini, pengkaji memetik pendapat tokoh-tokoh Islam, Al Mardudi (1979) mengatakan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan menganggap sistem syariah kemoralan individu Islam. Syariah mengandungi sistem dan

peraturan di dalam mengerjakan ibadah, muamalat, munakahat,jenayah dan siasah. Ibadah menggariskan aturan perhubungan antara manusia dengan Allah. Mu'amalat menetapkan keperluan manusia dalam perekonomian. Munakahat menggariskan panduan.

Imam Al-Ghazali (dlm. Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990 : 43) dalam memperkatakan tentang moral Islam. Beliau menyatakan pendidikan moral itu bertujuan untuk membersihkan hati daripada runtunan hawa nafsu dan keguncangan hati sehingga menjadi sekeping cermin yang bersih berfungsi untuk memantulkan cahaya ilahi. Dengan kata lain, ia mengekalkan tabii manusia sejati daripada kejahatan, tambahan pula kejahatan itu datang dari persekitarannya. Oleh sebab itulah, Al-Ghazali memberi tumpuan yang lebih terhadap pendidikan kanak-kanak. Ini kerana menurut Al-Ghazali, hati kanak-kanak adalah bersih dan bersinar seperti mutiara dan lembut seperti tanah menyebabkan benih dapat disemai. Sekiranya dia dilatih dengan perangai yang baik, nescaya dia akan menjadi seorang yang baik, begitulah sebaliknya. Selanjutnya kanak-kanak dianggap amanah daripada Allah kepada kedua ibu bapanya. Justeru, menurut Al-Ghazali, kanak-kanak dari bayi lagi hendaklah diajar dengan kebiasaan-kebiasaan yang baik dan dilatih dengan adab-adab yang baik di dalam aktiviti-aktiviti hariannya.

Pendek kata, pemupukan dan penghayatan nilai-nilai moral ini akan dapat mengembangkan daya pemikiran, nilai, emosi dan penggunaan pancaindera kearah pencapaian akhlak yang tinggi dan mulia yang merupakan teras peribadi seseorang. Individu yang mempunyai pendirian yang teguh akan lebih tegas dalam membuat ukuran nilai dan menghadapai masalah moral. Dengan ini akan lahirlah individu yang dapat memainkan peranan soial yang aktif secara berkesan, sistematik dan bertanggungjawab dalam menganalisis perlakuan dan masalah sebenar yang dihadapi.

Justeru, pendidikan moral sekaligus merupakan asas bagi pendidikan seluruhnya. Ianya bukan setakat hubungan manusia sesama manusia malah hubungan yang lebih besar iaitu hubungan manusia dengan tuhannya.

1.6 BAHAN KAJIAN

Bahan kajian pengkaji adalah tertumpu kepada naskhah tulisan tangan yang berbentuk teks sastera kitab. Naskhah ini ialah bernombor MSS 2008. Pengarang asal *Kitab Muhimmah* ini ialah Syeikh Abdullah Ibnu Abdur Rahim Fathani dan disalin oleh Ahmad bin Lebar, iaitu pada

hari Sabtu, bulan akhirat di negeri Chenak, Kampung Tempera. Kitab ini mempunyai 65 halaman dan berukuran 21x17 sm. ia dibandingkan dengan Kitab tercetak, Patani Press, 1964.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Penggalian filologi dapat memberi gambaran kehidupan masyarakat Melayu yang terpancar pada naskhah-naskhah yang diteliti. Malah, melalui kegiatan, naskhah-naskhah yang diteliti dapat dijadikan sebagai wadah untuk peninjauan tanggapan dan pandangan, keperluan, pengalaman dan harapan masyarakat Melayu silam.

Hasilnya bukan sahaja sebagai informasi sejarah dan budaya Melayu, bahkan juga mengandungi amanat dan matlamat tertentu warisan kesusasteraan bangsa. Naskhah yang dikaji amat penting bagi penyelidikan bangsa. Penelitian filologi bukan hanya untuk sekadar menterjemah atau mengalih bahasa sahaja, bahkan penggunaan gaya bahasa pada naskhah dapat memberikan pandangan yang jelas mengenai struktur bahasa zaman lampau. Bukan setakat gaya bahasa sahaja malahan sistem ejaan juga merupakan sesuatu yang menarik

untuk dikenal pasti sama ada mahu dilihat dari sudut linguistik atau sejarahnya.

Karya-karya silam banyak memberi sumbangan kepada pembentukan generasi baru. Sebagai khazanah warisan budaya, di dalamnya banyak mengandungi pelbagai ilmu yang perlu diteliti, dikaji, dihayati dan dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Beberapa kepentingan atau faedah yang boleh diperolehi daripada kajian ini adalah seperti berikut.

Sebagai salah satu usaha untuk menarik minat masyarakat pembaca terhadap karya kesusasteraan Melayu tradisional. Ianya juga sebagai satu usaha untuk mendedahkan kembali para pembaca karya-karya silam dalam bantuan yang lebih mudah dibaca dan difahami oleh golongan masyarakat pembaca masa kini sebagaimana yang telah penulis nyatakan di atas, ia amat penting terutamanya dalam arus pembangunan moden masa kini yang mana pengisian kerohanian perlu diterapkan dan salah satu daripada kaedah penerapan tersebut adalah melalui pembacaan dan pengamatan karya-karya kesusasteraan Islam silam.

Memandangkan karya ini adalah karya agama yang dikarang oleh seorang tokoh agama, ianya mempunyai nilai-nilai didaktik yang murni. Ia juga merupakan sebuah karya yang pada masa dahulu telah berjaya membentuk masyarakat berilmu dan berakhlik mulia. Usaha ini dihargai agar masyarakat pembaca dapat memahami dan menghayati dengan sebaik mungkin. Segala bentuk pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam karya-karya kesusasteraan Islam.

Mengkaji struktur bahasa, kemodenan bahasa dan penggunaan bahasa di dalam karya-karya silam yang berupa manuskrip yang ditulis dalam huruf-huruf Jawi. Malah kajian ini juga dapat dilihat dan diperhatikan beberapa perkembangan dan penggunaan bahasa serta variasi ejaan Jawi yang amat pelbagai.

Mengembangkan satu usaha ke arah perkembangan kesusasteraan terutamanya dalam kesusasteran Melayu tradisional (sastera Islam) yang mana di dalam karya-karya sastera tersebut mengandungi berbagai-bagai khazanah ilmu pengetahuan. Dengan adanya usaha ini dapatlah dikatakan bahawa karya-karya sastera itu sebagai sesuatu yang telah berjaya memartabatkan warisan budaya, bangsa, sejarah, kebudayaan dan kehidupan masyarakat Melayu satu ketika dahulu.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar sastera untuk lebih memahami teks sastera Melayu lama, khususnya teks sastera Islam.

1.8 KAJIAN TERDAHULU

Kajian sebelum ini memang banyak yang menggunakan kaedah kajian filologi terutamanya dalam kajian manuskrip Melayu. Manuskrip *Kitab Muhimmah* ini membincangkan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan kehidupan rumahtangga khususnya hukum perempuan yang telah bersuami. Sebelum ini telah banyak para ilmuan yang membincangkan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan perkahwinan. Antaranya pelajar-pelajar daripada Akademi Pengajian Islam. Mereka banyak membuat kajian dalam hal yang berkaitan dengan konsep nusyuz, hak suami isteri dan banyak lagi yang berkaitan dengan perkahwinan. Contohnya “*Penderhaakaan Isteri Terhadap Suami, Satu Kajian Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah*”, yang ditulis oleh Wan Zakiah binti Wan Yunus. Begitu juga dengan pelbagai buku-buku yang kita boleh dapati di kedai-kedai buku atau di perpustakaan-perpustakaan yang berkaitan dengan perkahwinan. Jadi secara

kesimpulannya memang telah banyak orang yang membincangkan hal yang berkaitan dengan perkahwinan.

Dalam kajian ini pengkaji tidak hanya menggunakan buku, tesis, latihan ilmiah, majalah tetapi penulis juga akan menggunakan sebuah manuskrip Melayu lama sebagai asas dalam kajian ini. Kajian mengenai hukum-hukum perkahwinan dengan menggunakan manuskrip sebagai asas dalam kajian masih kurang dikaji sebelum ini. Jadi diharapkan lebih ramai orang yang berminat untuk mengkaji hukum-hukum agama berdasarkan manuskrip Melayu lama selepas ini.

Mohd. Saufi bin Abdul Hamid, Jabatan Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997/1998 dalam latihan ilmiahnya yang berjudul "*Metode Kajian Kasih Sayang Suami Isteri : Satu Tumpuan Terhadap Kitab Al-Nikah Dalam Sahih Al-Bukhari*", membicarakan berhubung dengan pengertian kasih sayang dan ciri-cirinya menurut perspektif Islam. Beliau juga membincangkan hubungan kasih-sayang dengan komunikasi dari segi asas-asas dan tujuan komunikasi. Kemudian diteruskan lagi dengan perbahasan mengenai Sahih al-Bukhari. Antara yang dibahaskan ialah pengarang kitab dalam *Kitab al-Nikah* yang menjadi landasan kepada kajian beliau. Beliau juga mengkaji mengenai kepentingan, kepudaran dan fungsi-

fungsi kasih-sayang bagi pasangan suami-isteri khususnya dan keluarga amnya.

Ismail bin Sulaiman, Jabatan Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992. Latihan Ilmiah beliau bertajuk "*Kedudukan Wanita Menurut al-Qur'an dan al-Sunnah, Tumpuan Utama Kepada Masalah Kepimpinan Negara*". Penulis memaparkan atau menghuraikan fakta sejarah Islam tentang kedudukan dan hak-hak wanita sebelum dan selepas Islam. Penulis juga membuat perbandingan kedudukan sebenar kaum wanita menurut agama-agama dan perundangan-perundangan yang wujud di dunia ini. Penulis lebih memfokuskan kepada kedudukan wanita menurut Al-Quran dan Al-Sunnah al Nabawiyah. Penulis lebih memfokuskan kepada kedudukan wanita di dalam kepimpinan negara. Penulis juga memaparkan perbahasan kepada kedudukan wanita didalam pentadbiran Islam.

Wan Zakiah binti Wan Yunus, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996 yang berjudul "*Penderhaakaan Isteri Terhadap Suami, Satu Kajian Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah*". Penulis cuba memaparkan kesan-kesan nusyuz yang timbul kepada keluarga yang terlibat. Penulis juga menerangkan

langkah-langkah yang perlu diambil bagi membendung permasalahan ini serta mengemukakan cara-cara untuk membina sebuah keluarga yang bahagia. Penulis mengemukakan perkahwinan secara umum, tujuan dan hikmat perkahwinan serta hukum-hukumnya. Penulis juga memberi penjelasan secara terperinci mengenai hak dan kewajipan suami isteri. Penulis menerangkan tentang konsep nusyuz berdasarkan kepada Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Penulis juga menerangkan punca-punca yang menyebabkan berlakunya nusyuz, bentuk-bentuk nusyuz serta tindakan-tindakan yang perlu diambil keatas isteri yang nusyuz.

Paizah binti Haji Ismail, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1995. Tesis Sarjana beliau yang bertajuk "*Status Wanita Dalam Undang-Undang Jenayah Islam*". Penulis tidak menghuraikan sepenuhnya dari sudut persoalan mengenai kedudukan wanita. Cuma yang diterangkan secara umum mengenai kedudukan wanita dalam syariat Islam. Kajian beliau hanya mengenai kedudukan atau status wanita dalam undang-undang jenayah Islam. Penulis hanya menilai kembali kontroversi berkenaan dengan cara meneliti nas-nas syarak bagi menentukan pandangan sebenar Islam dalam masalah ini. Penulis hanya melihat pandangan umum yang berhubung masalah berkenaan berdasarkan kepada huraian fuqaha semata-mata dan bukan kesimpulan secara langsung daripada nas-nas

Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Secara keseluruhannya, penulis hanya mengkaji kedudukan wanita secara umum sebagai subjek jenayah, hukuman-hukuman atas wanita yang melakukan jenayah, wanita dan pengadilan jenayah dan analisa perbandingan antara prinsip syariat dan ijihad fuqaha tentang status wanita dalam undang-undang jenayah Islam.

Abu Hassan Din Al Hafiz 1999, dalam bukunya *Krisis Rumahtangga dan Cara Mengatasinya* juga membicarakan hal yang berkaitan dengan perkahwinan. Beliau lebih menumpukan kepada hak dan tanggungjawab merupakan faktor utama mengundang berbagai kesan dan dilema dalam kehidupan pasangan suami isteri. Untuk mengatasi masalah rumahtangga beliau menegaskan bahawa perlu membekalkan jiwa, fikiran dan keperibadian dengan pengetahuan kekeluargaan dan agama yang sempurna.

Yusuf Ali Bedewi, 1996 dalam bukunya yang bertajuk *Asas-Asas Kebahagiaan Rumahtangga Dalam Islam* lebih menumpukan kepada pelbagai aspek mendirikan rumahtangga bahagia berteraskan sistem dan peraturan Islam. Antaranya dibincangkan mengenai galakan berkahwin, kebaikan perkahwinan, asas-asas pemilihan calon isteri, melamar, akad, hubungan antara suami dan isteri dan adab-adab

hubungan suami isteri. Dibincangkan juga balasan yang diterima oleh lelaki dan perempuan di dalam syurga.

Thana Abdullah Al Afif, 2000 dalam bukunya yang bertajuk *Suami Isteri Ingkar*. Beliau lebih membicarakan suami isteri yang mengingkari hak masing-masing berdosa di sisi Allah adalah berdasarkan atas karya tokoh kemasyarakatan bangsa Arab. Mencapai kesejahteraan, keharmonian dan kedamaian suami isteri maka tiga perkara utama harus dipenuhi iaitu berkaitan perbelanjaan (ekonomi), kepuasan seksual dan perkara-perkara yang menjadi hak suami dan isteri.

Mu'ammal Hamidy, 1988 dalam bukunya yang berjudul *Perkahwinan Dan Persoalannya*, lebih menghuraikan berbagai-bagai masalah mengenai hak-hak suami isteri dalam pengurusan keluarga dan anak serta rumah tangga, malah menerangkan juga masalah-masalah yang berkaitan dengan hal-hal mengenai peminangan, nikah kahwin, poligami, talak dan hukum-hukumnya, perhubungan antara suami isteri, perhubungan anak dengan ibu bapa, masalah nafkah, wasiat dan seterusnya hingga kepada pembahagian harta.

H.S.A. Alhamdani, 1989 dalam bukunya yang bertajuk *Risalah Nikah* membincangkan tentang hukum perkahwinan Islam pembinaan hukum baru untuk meningkatkan lagi dan menyempurnakan pembinaan hukum perkahwinan. Ia merangkumi hukum perkahwinan bermula daripada proses meminang, akad nikah, hak dan kewajipan suami isteri sampai hak mengasuh anak menurut hukum Islam, menurut tuntutan Al-Qur'an dan Al-Sunnah serta petunjuk para ulama yang pendapatnya banyak diikuti orang.

Peunoh Daly, 1988 dalam bukunya yang bertajuk *Hukum Perkahwinan Islam, 'Suatu Studi Perbandingan dalam Kalangan Ahlus-Sunnah dan Negara-negara Islam'*. Beliau membincangkan naskah lama '*Mir'at at-Thullab*' karya Syekh Abdurrauf Singkel dalam Hukum Islam. Perbincangannya merangkumi hukum nikah, talak, rujuk, hadhanah dan nafkah kerabat.

Secara keseluruhannya, sepanjang pemerhatian dan kajian kepustakaan yang dilakukan oleh pengkaji, ternyata *Kitab Muhimmah* belum lagi dibuat kajian secara lebih mendalam. Apa yang pasti, *Kitab Muhimmah* hanya transliterasi dengan menggunakan huruf jawi moden. Jadi secara umumnya dapat dikatakan bahawa tidak ada pengkaji yang membuat analisis atau pun sebarang kajian terhadap kitab tersebut.

Sehubungan itulah, timbul minat pengkaji untuk membuat telaah filologi dan analisis manuskrip tersebut dengan melihat unsur didaktik atau moral yang terdapat dalam manuskrip *Kitab Muhimmah*.

1.9 KONSEP-KONSEP ASAS

Bagi melihat apa yang dikatakan sebagai pendidikan moral di dalam *Kitab Muhimmah*, maka pengkaji merasakan adalah perlu diungkapkan konsep nusyuz, isteri, suami. Konsep-konsep ini dilihat dalam hubungannya dengan konsep moral yang semuanya sebagai pendukung kepada titik tolak kajian ini. Di samping itu, akan diperjelaskan beberapa konsep lain yang ada perkaitannya dengan perkaedahan yang akan digunakan kemudian. Dengan itu, berikut akan dibincangkan beberapa konsep penting yang akan digunakan dalam kajian ini.

i) Sastera Kitab

Siti Hawa Salleh mendefinisikan sastera kitab sebagai sesuatu yang bersifat bukan cerita, prosa dan puisi. Daripada judulnya dapat

dipastikan bahawa hasil-hasil penulisan yang diletakkan dalam kumpulan ini ialah kitab-kitab yang menerangkan sesuatu pengajaran tentang agama Islam. Ia meliputi kitab-kitab yang ditulis dalam ilmu fikih seperti sembahyang Jumaat dan kitab-kitab sembahyang dan ilmu tauhid (Siti Hawa Haji Salleh 1997 : 223-224)

Kitab Jawi menurut Virginia Matheson ialah karya-karya yang bertulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi mengenai prinsip-prinsip agama Islam. Mohd. Nor Ngah mengatakan, kitab dalam pengertian orang Melayu bermakna buku-buku agama manakala "Jawi" bermakna orang Jawa yang termasuk juga orang Melayu kerana orang Arab pada zaman dahulu menganggap Nusantara sebagai pulau Jawa. Oleh sebab itu, tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab tersebut "Tulisan Jawi" (Mustafa Mohd. Isa 1999 : 10-12)

Kitab Jawi juga dikenali sebagai kitab kuning kerana kertasnya berwarna kuning. Martin Van Bruinessen menggunakan istilah kitab kuning pada semua kitab Jawi yang digunakan di pesantren-pesantren Jawa (Mustafa Mohd. Isa 1999 : 9)

Sebagai satu genre kesusasteraan, kitab Jawi yang mencakupi berbagai-bagai bidang dan disiplin keilmuan itu dapat memenuhi minat

pembaca dalam pengetahuan Islam daripada syariat dan pengertian tentang konsep dan amalan Islam itu sendiri. Umumnya setiap kitab Jawi terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu mukadimah (*doxology*), perbincangan isi (*content*) dan penutup (*colophon*). Dalam mukadimah pengarang memulakan karangannya dengan memuji-muji Allāh diikuti dengan salawat dan salam kepada nabi Muhammad s.a.w. Kemudian diikuti dengan pernyataan pengarang tentang tujuan karangannya itu dan sumber-sumber rujukannya (Mustafa Mohd. Isa 1999 : 16).

ii) **Nusyuz**

Makna nusyuz di segi bahasa ialah derhaka. Dalam perhubungan di antara suami isteri, nusyuz memberi erti kebencian salah seorang dari suami isteri terhadap yang lain, sama ada suami bencikan isteri atau isteri bencikan suami atau boleh jadi kedua-duanya sekali membenci di antara satu sama lain (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 33).

Dalam penggunaan bahasa, digunakan perkataan nasyaza yang memberi erti meninggi atau melebihi di atas. Dipadankan makna ini dalam perhubungan di antara suami isteri ialah isteri yang berkelakuan

meninggi ke atas suaminya atau melebihi ke atas suaminya (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 33).

Oleh yang demikian, perempuan yang nusyuz ialah perempuan yang menderhakai suami, bersifat meninggi dan tidak mematuhi perintah suami, meninggalkan kewajipannya sebagai seorang isteri, yang berperasaan melebihi dan terkeluar dari lunas-lunas yang digariskan oleh syarak (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 35).

Derhaka isteri terhadap suami, tidak hanya melalui keingkaran semata-mata tetapi dinilai dan diambilkira pada beberapa aspek yang lain, iaitu di segi perkataan, perbuatan dan tindakan.

1. Nusyuz Dari Segi Perkataan

Isteri dianggap nusyuz di segi perkataan, bahkan dikira telah menderhakai suaminya jika sekiranya ia menggunakan gaya bahasa dalam pertuturnya yang agak kurang sopan ketika bahasa dalam pertuturnya yang agak kurang sopan ketika berbicara dengan suaminya, menggunakan panggilan ENGKAU atau AWAK terhadap suaminya dan berbahasa AKU terhadap diri sendiri, atau menggunakan

apa jua gaya bahasa yang dianggap kurang sesuai untuk digunakan terhadap suaminya, lebih-lebih lagi bilamana menggunakan kata-kata yang kesat, maki hamun dan sebagainya. Sebagai seorang isteri, hendaklah juga dia menghormati suaminya sehingga melalui tutur katanya perlu disusun rapi, bahkan hendaklah menggunakan kata-kata atau gaya bahasa yang mempunyai unsur-unsur penghormatan ketika berbicara dan bercakap dengan suaminya (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 36).

Nada suara juga diambil kira, tidak boleh meninggikan suara ketika berbicara dengan suaminya, lebih-lebih lagi dengan cara mengherdik, menjerit dan seumpamanya. Bahkan hendaklah menggunakan nada suara yang lemah dan halus menawan, kecuali jika sudah ditakdirkan suara isteri itu sememangnya tinggi (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 37).

Dalam keadaan-keadaan yang tertentu, jumlah dan bilangan perkataan juga diambil kira, seperti isteri yang suka membebek dan mencerca terhadap suaminya, atau isteri yang suka bercakap lebih dari yang diperlukan oleh suaminya, melainkan jika diperlukan.

2. Nusyuz Dari Segi Perbuatan

Di segi perbuatan, bilamana jelas menampakkan perbuatan-perbuatan dan tingkah laku yang kurang sopan yang tak sepatutnya dilakukan, seperti menunjukan sikap kasar yang keterlaluan yang tidak menunjukan ciri-ciri penghormatan, seperti mencampakkan sesuatu ke arah suami bila diminta, melangkah anggota badannya ketika melintasi tanpa meminta laluan, semua ini merupakan gambaran nusyuz yang dilakukan secara sedar atau tidak (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 36-37).

3. Nusyuz Dari Segi Tindakan

Di segi tindakan, ini jelas bilamana tindakan isteri itu bertentangan dengan kehendak dan kemahuan suami, seperti suka melawan, mencabar kepimpinan suami, atau melakukan sesuatu yang tidak dibenarkan dan meninggalkan sesuatu yang diperintahkan (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 37).

Semua gambaran yang disebutkan ini adalah termasuk ke dalam erti kata nusyuz yang seharusnya mendapat perhatian suami untuk

bertindak, tidak hanya membiarkan begitu sahaja, kerana dengan berlakunya seperti apa yang dinyatakan ini, maka isteri yang sedemikian telah tergolong ke dalam golongan isteri yang nusyuz atau derhaka (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 37).

Krisis rumahtangga dalam gambaran ini seringkali berpunca dan bersebab dari pihak isteri, maka sebab itu dipertanggungjawabkan kepada suami untuk mengatasinya dan bertindak mengikut cara-cara yang ditetapkan oleh Islam (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 37).

Sepertimana berlakunya nusyuz dari pihak isteri, maka begitu juga berlakunya nusyuz dari pihak suami, hanya berbeza tentang cara nusyuz yang dilakukan. Jika sekiranya ternyata nusyuz itu sengaja dilakukan oleh pihak suami sama ada berpunca dari pihak isteri atau dari suami itu sendiri, maka alangkah buruknya keadaan suami yang dianggap sebagai ketua dalam rumahtangga yang seharusnya berusaha untuk mententeramkan keadaan rumahtangga dan keluarga, tetapi sebaliknya ia pula yang berusaha untuk memporak-porandakan rumahtangga. Keadaan seperti ini tidak ubah seperti kata pepatah "harapkan pagar, pagar makan padi" (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 38).

Dalam masalah ini, sekiranya seseorang ketua sama ada ketua dalam rumahtangga atau lainnya tidak pandai memainkan peranannya sebagai seorang ketua, tidak mengetahui posisi peranannya sebagai seorang ketua, tidak mengetahui polisi pentadbiran atau ketua itu sendiri menyeleweng dari dasar kepemimpinan yang sebenar atau menggunakan kuasa bukan pada tempatnya. Maka pincanglah pentadbiran dan akan rosaklah keadaan. Bilamana keadaan sudah kucar-kacir, suasana sudah tidak dapat dikawal, maka ketika itu tidak timbul lagi kepimpinan, tidak ada lagi pemimpin dan tidak ada lagi yang dipimpin; akan berlakulah apa yang akan berlaku (Abu Hassan Din Al Hafiz 1999 : 38-39).

iii) Isteri

Mengikut *Kamus Dewan* (1998 : 501), isteri bermaksud perempuan yang menjadi pasangan hidup kepada seseorang lelaki atau wanita yang sudah berkahwin.

Fitrah kejadian wanita yang mempunyai sifat-sifat penyayang, penyabar, lembut dan halus perwatakannya, seringkali dikaitkan dengan alam rumahtangga. Oleh sebab itulah Islam telah menetapkan

bahawa tugas seorang ibu, isteri dan yang berkaitan dengan soal pendidikan dipertanggungjawabkan kepada wanita. Sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya : Setiap kamu adalah pemimpin dipertanggungjawab dengan apa yang dipimpinnya. Imam atau pemimpin bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki menjadi pemimpin kepada keluarganya dan bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang perempuan menjadi pemimpin di rumah, suaminya bertanggungjawab kepadanya.

(Muhammad Usman Al-Khusti 1999 :25)

Peranan wanita sebagai ibu dan isteri di dalam rumah tangga merupakan satu tugas dan kewajipan yang tidak boleh dilalaikan, sebaliknya hendaklah sentiasa berusaha menunaikan kewajipan tersebut dengan sebaik-baiknya.

iv) Suami

Mengikut *Kamus Dewan* (1998 :1307), suami bermaksud orang lelaki yang dikahwini seseorang perempuan.

Seorang suami mestilah memiliki kelebihan dalam masalah kebenaran dan keterusterangan sjak ia menjalin hubungan dengan

calon isterinya. Suami mestilah bergaul dan memperlakukan isterinya dengan baik, lemah lembut, dan menghargai, serta memuliakan isterinya, keluarga dan hartaya.

Firman Allah s.w.t.:

Ertinya : Dan bergaullah dengan mereka secara baik.

(Surah An Nisa' : 19)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Sebaik-baik kamu yang terbaik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang terbaik dari kamu terhadap keluargaku. Orang yang memuliakan kaum wanita adalah orang yang mulia, dan orang yang menghina kaum wanita adalah orang yang tidak tahu budi.

(Riwayat Abu Asaakir)

Dengan kata lain suami mestilah suka bersenda gurau dan beramah tamah dengan isterinya. Suami juga perlu memberi hak hiburan serta kesenangan yang wajar bagi isteri melalui berbagai cara sesuai dengan kemampuan yang dimilikinya, seperti rekreasi bersama, bercakap-cakap di malam hari, pergi bersama untuk maksud ziarah, menghadiri kenduri atau pesta yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam (Muhammad Usman Al-Khusti 1999 : 7).

Suami yang baik ialah yang tidak terlalu mencemburui isterinya. Apa lagi cemburu yang hanya berdasar prasangka dan tidak selalu mengintip-intip isterinya. Seseorang suami tidak boleh menerima begitu sahaja hal-hal yang negatif, mungkar, atau melampaui batas isterinya. Seseorang suami harus selalu bertutur kata dengan sopan dan mempunyai hikmah, memakai bahasa yang lembut dan beradab kepada isterinya. Seseorang suami juga mesti memberi nafkah untuk keluarganya dengan asas keseimbangan, tidak boros dan tidak kikir (Muhammad Usman Al-Khusti 1999 : 7).

Suami yang baik mestilah selalu dalam keadaan rapi, berhias diri dan secara wajar dan tidak lupa memakai wangian, sehingga apa yang dilihat oleh isterinya dari dirinya yang baik-baik sahaja. Suami juga harus pandai menyimpan rahsia-rahsia keluarga dan rumah tangganya, terutama rahsia yang dapat menjadi buah mulut dan bahan cemuhan orang luar. Jadi suami teladan ialah suami yang selalu memelihara penampilannya sebagai lelaki, tidak terlalu berlebihan dalam hal sikap dan nafsu, dan juga tidak terlalu lemah dan menyerah sehingga menyebabkan runtuhnya kewibawaan serta harga dirinya sebagai lelaki (Muhammad Usman Al-Khusti, 1999 : 7-11)

V) Nikah

Nikah diertikan sebagai akad atau perjanjian di antara lelaki dan perempuan bagi menghalalkan hubungan kelamin dengan keadaan dan syarat tertentu dalam bentuk yang kekal. Bertujuan memelihara kehormatan diri melaksanakan tuntutan agama dan mewujudkan ikatan kasih saying di antara suami isteri di samping meambahkan (meramaikan) zuriat. Dengan sempurnanya akad atau perjanjian tersebut maka pasangan yang telah menjadi suami isteri berkewajipan memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang telah ditentukan dalam suasana yang harmoni, aman damai, saling menghormati dan berkasih sayang dalam sebuah keluarga (Ghazali Abdul Rahman, 2001 : 18).